

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KEGIATAN POLITIK GURU-GURU TAMIL MENJELANG
KRISIS KEPIMPINAN PARTI PUSAT MIC 1971-1980

oleh

BALAKRISHNAN MURUGASAN

Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi Syarat Bagi Ijazah
Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian)

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN BAHAGIAN SEJARAH.

SESSI AKADEMIK 1982/83.

Untuk Mak, Ayah dan Seluruh

Keluarga Yang Ku Sayangi

Sinopsis

Latihan ilmiah ini membincangkan peranan guru-guru Tamil di krisis kepimpinan pusat parti MIC 1971-1980. Ia dimulakan dengan memberi satu gambaran kepada latarbelakang kegiatan politik guru-guru Tamil di Semenanjung Malaysia sebelum 1970. Kemudian diberi satu gambaran tentang krisis kepimpinan pusat parti MIC 1971 - 1980. Ini diikuti pula dengan perbincangan kegiatan politik guru-guru Tamil di dalam krisis kepimpinan pusat parti MIC. Akhirnya kesan buruk kegiatan politik guru-guru Tamil menjelang krisis kepimpinan pusat parti MIC diperbincangkan. Di harap latihan ilmiah ini akan menolong mendapat satu gambaran yang sebenarnya tentang kegiatan politik guru-guru Tamil menjelang krisis kepimpinan parti pusat MIC 1971 - 1980.

Kelakrishnan Duraisami

Pusat Pengajian Ilmu Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia

Sinden, Pulau Pinang.

27th Januari, 1985.

Penghargaan

Dalam usaha menyiapkan latihan ilmiah ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia saya Professor Madya Dr. Suntharalingam serta Dr. Jan Wisseman di atas bimbingan dan tunjuk ajar mereka sejak dari awal hingga saya berjaya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Saya juga terhutang budi kepada semua responden dan merasa kewajipan untuk mengucapkan terima kasih di atas kesudian mereka bekerja sama dan meluangkan masa untuk diinterbiu berhubung dengan persoalan kajian ini. Terima kasih juga ditujukan kepada adik-beradik saya dan rakan-rakan saya di kampus yang bekerjasama dan memberi bantuan sama ada secara langsung atau tidak kepada saya semasa menyiapkan latihan ilmiah ini. Disanjung dan dihargai pula jasa baik Puan Bibi, pegawai pejabat Desasiswa Cahaya yang menaip skrip latihan ilmiah ini dengan penuh cermat dan dedikasi.

Akhirnya saya tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada semua ahli keluarga saya yang sentiasa memberi dorongan dan galakan serta apa juga bantuan kepada saya untuk terus maju jaya dalam bidang pelajaran.

Balakrishnan Murugasan

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Minden, Pulau Pinang.

29hb Januari, 1983.

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
Sinopsis	111
Penghargaan	1v
Senarai Jadual/Rajah/Gambar/Petikan Akhbar/Lampiran	vi
BAB I: Latarbelakang kegiatan Politik Guru	
Tamil sebelum 1970	1
BAB 2: Krisis Kepimpinan Parti Pusat MIC	
1971 - 1980	22
BAB 3: Peranan Guru-Guru Tamil Dalam Krisis	
Kepimpinan Parti Pusat MIC	38
BAB 4: Kesan Buruknya Kegiatan Politik Guru	
Tamil Sempena Kepimpinan Parti Pusat MIC	55
BAB 5: RUMUSAN	65
BIBLIOGRAFI	71

SENARAI JADUAL/RAJAH/GAMBAR/PETIKAN AKHBAR/LAMPIRAN


RAJAH	<u>Muka Surat</u>
1.1 Peta Malaysia	ix
1.2 Peta Semenanjung Malaysia	11
1.3 Komposisi Penduduk India 1970	12
JADUAL	
1.1 Penduduk Mengikut distribusi kumpulan ethnik 1911-1970	13
1.2 Taburan Penduduk dan luar Bandar mengikut kumpulan Ethnik 1947-1970	14
1.3 Penduduk kaum imigren India mengikut keturunan Bahasa 1921-1957	15
1.4 Penduduk kaum imigren India mengikut keturunan Bahasa 1970	15
1.5 Organisasi Taburan kehidupan di Ladang	16
1.6 Organisasi sistem kasta di kalangan imigren Tamil	16
1.7 Bilangan sekolah, murid dan guru	17
1.8 Kedudukan guru-guru Tamil di MIC 1970	18
1.9 Kedudukan guru-guru Tamil di MIC 1979	18
2.1 Kedudukan MIC negeri di antara 1971-1980 sempena krisis kepimpinan parti MIC	34
3.1 Kedudukan 'kumpulan Sanyveloo dan kumpulan Subramaniam', hasil dari pertandingan MIC negeri 1979.	

III GAMBAR	<u>Muka Surat</u>
1.A Tokoh-Tokoh pemimpin MIC	18
1.1 Guru Encik Annamalai diberi pingat jasabaik di persatuan NLFC oleh Tun Sambanthan	19
1.2 Guru M.K. Muthusamy dan Encik P. Krishnasamy yang menjadi wakil pengarah persatuan NLFC	20
1.3 Perjumpaan NLFC di Ladang Badenock oleh guru Tamil	21
2.1 Penyokong Tun Sambanthan semasa kempen pertandingan Presiden Parti MIC 1971	35
2.2 Penyokong Tan Sri Manikavasagam semasa kempen pertandingan Presiden Parti MIC 1971	35
2.3 Rusuhan di Perhimpunan Agung MIC negeri Perak 1972.	36
2.4 Kawalan Polis di Mesyuarat MIC Negeri Sembilan 1973.	36
2.5 Encik S. Subramaniam bersama dengan Tan Sri Manikavasagam di mesyuarat agung Tahunan MIC 1977.	37
2.6 Encik S. Samyveloo dan penyokongnya bersama dengan Tun V. T. Sambanthan selepas dipilih sebagai Timbalan Presiden MIC, 1977	37
3A Tokoh pemimpin parti MIC yang terdiri dari guru Tamil	50
3.1 Encik A. Ponniah dan Encik M.K. Muthusamy bersama dengan penyokongnya Tan Sri Manikavasagam	
3.2 Pembantahan guru-guru Tamil terhadap perlantikan Tan Sri Manikavasagam sebagai Presiden	52
3.3 Encik A. Ponniah bersama dengan Encik S. Samyveloo	53
3.4 Encik S. Sinathamby bersama dengan Encik S. Subramaniam	53
3.5 Encik K. Kumaran bersama dengan Encik S. Subramaniam	53
3.6 Encik K. Sivapunnian dipilih sebagai presiden MIC Melaka dari 'kumpulan Samyveloo'.	53
3.7 Encik A. Ponniah berjaya dalam pertandingannya dari 'kumpulan Samyveloo'.	54

Muka Surat

4.1	Kekacauan di Mesyuarat cawangan MIC	62
4.2	Keadaan Cemas di Perhimpunan Agung Tahunan Cawangan MIC	62
IV PETIKAN AKHBAR		
4.1	Berita menceritakan buruknya penglibatan guru Tamil dalam parti MIC	63
4.2	Petikan akhbar yang menceritakan pengaruh kasta pilih kasih rebutan kuasa, bintang dan kebendaan di parti politik MIC	64
V LAMPIRAN		
5.1	Kepimpinan MIC Negeri sebelum 1970	65
5.2	Kepimpinan MIC Negeri selepas 1970	66

RAJAH I : PETA MALAYSIA



Malaysia meliputi kawasan seluas lebih kurang 130,000 batu persegi, merangkumi Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak). Kedua-dua kawasan ini terpisah pada jarak lebih kurang 400 batu oleh Laut Cina Selatan. Semenanjung Malaysia secara berasingan meliputi kawasan seluas 51,000 batu persegi dan bersempadankan negara Iran di bahagian utara dan negara Singapura di bahagian selatan. Sementara Malaysia Timur meliputi kawasan seluas lebih kurang 78,000 batu persegi dan bersempadankan Wilayah Indonesia atau Kalimantan.

BAB I

PENGENALAN

Latarbelakang Kegiatan Politik Guru-guru Tamil Sebelum 1970.

(i)

Kaum India di Semenanjung Malaysia sebenarnya adalah berasal dari negeri India. Mereka telah berhijrah masuk ke Semenanjung Malaysia awal abad yang ke 20.¹ Sebahagian besar dari mereka adalah dibawa masuk oleh pemerintah Inggeris untuk bekerja di ladang-ladang getah yang dimiliki oleh Syarikat Permohonan Inggeris. Sebahagian lagi dibawa masuk untuk berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam dan juga untuk menjalankan perniagaan kecil di tempat kediaman golongan penghijrah India tersebut.

Penduduk India yang datang itu adalah terdiri dari orang-orang India yang berasal dari India Selatan dan India Utara.² Kaum India Selatan meliputi oleh orang-orang Tamil, Telugu dan Malayalee sementara kaum India Utara pula meliputi oleh orang-orang Sikh Sind dan Punjabi. Penduduk ini dipecahbelahkan oleh bahasa pertuturan yang berlainan dan pekerjaan yang berbeza semasa mereka bermastautin di Semenanjung.

Dalam kumpulan penduduk ini orang Tamil membentuk 80% daripada penduduk keseluruhannya.³ Di dalam kalangan orang-orang Tamil, 70% daripadanya adalah bekerja sebagai penoreh getah dan boroh am di ladang sementara 30% yang lain bekerja sebagai peniaga kecil di bandar-bandar besar dan pekan-pekan kecil yang terdapat berhampiran dengan ladang-ladang getah.⁴ Orang Tamil ini terdiri dari kasta Sudra iaitu kaum yang bukan Brahmin dan Harijan.

Sekurang-kurangnya satu pertiga dari golongan buruh am di ladang adalah terdiri dari kasta Harijan.⁵ Ramai golongan peniaga kecil dan berikhtisas terdiri dari kasta bukan Brahmin seperti Cetti, Mudaliar, Pillai, Naidu dan Nadar. Tamil Muslim juga berbuat pekerjaan sama seperti golongan ini di pekan. Golongan ikhtisas dari golongan ini berpendidikan Inggeris. Mereka menjalankan kerja seperti kerani (bertaraf rendah) di Jabatan Kerja Raya, Telekom dan Pos.⁶

Sementara itu 20% lagi dari kaum India adalah terdiri dari orang-orang Telegu, Malayalee, Sind, Sikh dan Punjab. Ramai orang Telegu bekerja sebagai buruh di ladang seperti orang-orang Tamil. Orang Malayalee bekerja sebagai golongan berikhtisas di sektor perkhidmatan awam dan sebagai kakitangan kepada pihak majikan di ladang. Di negeri-negeri Selatan di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia terdapat segolongan Malayalee yang bekerja di ladang-ladang getah sebagai buruh. Kebanyakan orang Sikh bekerja sebagai anggota Polis di sektor Perkhidmatan Awam dan sebagai jaga di sektor-sektor suasta. Kebanyakan orang Sind dan Punjab telah membuka kedai-kedai kain di pekan-pekan kecil dan di bandar-bandar besar.⁷

(ii)

Di kalangan kaum imigren India ini golongan guru Tamil muncul apabila sekolah Tamil didirikan di estet pada tahun 1923.⁸ Pada mulanya kerani dan mandor Tamil yang bekerja di ladang memainkan peranan sebagai guru sambilan untuk menampung kekosongan jawatan guru-guru Tamil di sekolah yang baru dimulakan. Mereka telah memperolehi pendidikan awal dalam bahasa Tamil di negara asal mereka di Sri Lanka dan Tamil Nadu masing-masing.

Pada tahun 1927, guru-guru sambilan ini telah digantikan oleh guru-guru terlatih dari Tamil Nadu. Mulai tahun 1930an murid-murid di sekolah Tamil yang berkelulusan Darjah Enam dan Darjah Tujuh dijadikan guru sementara di sekolah-sekolah Tamil untuk merampung kekurangan guru-guru sekolah Tamil.⁹ Mereka diberikan latihan Perguruan mulai tahun 1938. Guru-guru ini bertugas di sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang di bawah pentadbiran pihak majikan ladang dan Jabatan Pelajaran Kerajaan. Mereka tinggal di rumah-rumah khas yang disediakan oleh majikan estet bagi guru-guru di estet.

(iii)

Kegiatan politik guru-guru ini dimulakan apabila mereka memulakan profesyen perguruan mereka. Pada tahun 1929 Presiden Pertubuhan Dravidan khazhagam di Tamil Nadu Encik E.V. Ramasamy Naiker telah datang ke Semenanjung.¹⁰ Beliau menggesa setiap ahli pendidik Tamil di ladang-ladang menjalankan pergerakan 'maruah diri' di kalangan buruh estet. Beliau menyeru pendidik Tamil di situ menjalankan pergerakan itu supaya menghapuskan sistem kasta dan perasaan rendah diri, di kalangan buruh Tamil. Guru-guru Tamil di ladang dipengaruhi oleh seruan Encik E.V. Ramasamy Naiker.¹¹ Mereka mengadakan perjumpaan-perjumpaan di ladang untuk menyebarkan idea pergerakan 'maruah diri'. Guru-guru Tamil berpidato tentang keburukan sistem kasta dan upacara **sanskrit di kalangan buruh**. Semasa berpidato, guru-guru ini menggesa golongan buruh memulaukan pengamalan sistem kasta yang memecahbelahkan perpaduan di antara mereka.¹²

Penindasan pihak majikan ladang juga telah disentuh oleh guru-guru ini semasa berpidato. Golongan buruh disuruh menentang majikan estet yang memberi gaji yang sentiasa rendah. Mereka juga digalakkan supaya memulaukan kerja lebihmasa di ladang.¹³ Terbuatan ini menyebabkan majikan ladang bertindak terhadap guru-guru ini. Mereka takut pembaharuan di kalangan buruh melalui pergerakan 'maruah diri' akan menggugat ketuanan majikan ke atas buruh-buruh estet. Pihak majikan ladang bertindak cepat. Mereka memberi amaran kepada guru-guru Tamil supaya menghentikan pergerakan 'maruah diri' yang membahayakan kedudukan majikan. Pihak majikan telah membuang kerja guru-guru Tamil yang enggan mematuhi amarannya.¹⁴

Pada tahun 1942 kegiatan guru-guru Tamil, telah memperlihatkan satu perubahan baru. Semasa pemerintahan Jepun di Semenanjung Malaysia 'Pasukan Pembebasan India' telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia oleh Subash Chandra Boss. Beliau melawat Semenanjung pada tahun 1943. Beliau adalah seorang mejar-jeneral tentera India dan telah menubuhkan 'Pasukan Pembebasan India' di kalangan kaum India di Semenanjung Malaysia untuk menentang askar British di India, di Malaya juga di rantau Asia pada keseluruhannya.¹⁵ Satu pasukan askar seperti Pasukan Pembebasan India yang dipanggil 'Thondar Padai' ditubuhkan di estet oleh guru Tamil.¹⁶ Guru-guru Tamil menubuhkan pasukan 'Thondar Padai' ini bersama dengan mandor estet. Pasukan 'Thondar Padai' yang didirikan oleh guru-guru Tamil dan mandor estet terdiri dari buruh-buruh di ladang. Guru-guru Tamil ini telah mengetuai pasukan itu dan telah memberi latihan cara berperang dan disiplin tentang minum todi dan berjudi.

Pemerintah Jepun memberi galakan kepada kegiatan guru Tamil ini di estet kerana ianya adalah selaras dengan tujuan kerajaan Jepun untuk mengalahkan askar British. 'Thondar Padai' yang diasaskan oleh guru-guru Tamil memberi juga keberanian kepada buruh ladang.

Kegiatan politik guru-guru Tamil disekat sepenuhnya oleh pemerintahan Inggeris apabila mereka mengambilalih pemerintahan Semenanjung Malaysia dari pemerintah Jepun pada tahun 1945.

'Thondar Padai' yang diasaskan oleh mereka dibubarkan secara otomatik. Mereka diberi peraturan-peraturan baru dalam pekerjaan.¹⁸ Mereka tidak dibenarkan campurtangan dalam hal-ehwal golongan buruh dan majikan ladang. Mereka sangsi kegiatan guru-guru Tamil semata-mata untuk membangkitkan kesedaran 'anti-British'.

(iv)

Menjelang tahun kemerdekaan mereka masuk parti politik kaum India Malayan Indian Congress (MIC) di bawah pimpinan orang Tamil, Encik V.T. Sambanthan.¹⁹ Parti MIC sebenarnya ditubuhkan pada tahun 1946 dan penggunaan Bahasa Inggeris dalam parti politik MIC sebelum Tun Sambanthan menjadi presiden tidak membuka peluang bagi guru Tamil menyertai parti itu. Penggunaan bahasa Tamil sepenuhnya di bawah pimpinan Tun Sambanthan **ini** menggalakkan guru-guru Tamil yang berpendidikan Tamil mendapat tempat istimewa di parti MIC. Encik V.T. Sambanthan menyeru mereka bekerjasama **den-**
gan peniaga kecil dan ikhtisan Tamil yang menubuhkan cawangan MIC di pekan dekat bandar.

Majikan estet yang sehingga ini menyekat kegiatan guru-guru Tamil tidak lagi menyekat kegiatan politik apabila mereka merandang

kegiatan guru Tamil mendukung cita-cita parti kerajaan perikatan.²⁰ Sekurang-kurangnya seorang guru Tamil dari setiap estet diberi jawatan penting di cawangan-cawangan MIC. Mereka bertanggungjawab mencari ahli-ahli bagi cawangan MIC dari buruh estet Tamil. Mereka juga dilantik wakil bagi membela kebajikan buruh-buruh di estet.

Kegiatan politik guru-guru Tamil di parti MIC menonjol apabila presiden parti MIC Datuk V.T. Sambanthan menubuhkan Persatuan Koperasi Permodalan ladang-ladang (NLFC).²¹ Persatuan ini ditubuhkan oleh beliau untuk membeli estet-estet yang dijual oleh Syarikat Inggeris menjelang tahun kemerdekaan. Persatuan NLFC bertujuan memelihara estet-estet yang diduduki oleh buruh Tamil dari dibeli dan difragmentasi oleh orang tengah. Fragmentasi bermakna estet yang dibeli dijual kepada lot-lot kecil kepada masyarakat umum dan tindakan ini akan menghilangkan perusahaan estet. Tanpa wujud perusahaan estet, buruh-buruh estet terpaksa mencari nasib di lain tempat.

Guru-guru Tamil yang menyertai Parti MIC amat bertanggungjawab memulakan koperasi NLFC di estet.²² Mereka disuruh mendapat pengiktirafan dari mandor dan pemimpin kesatuan sekerja estet (NUFW) yang terdiri dari buruh estet untuk memulakan Persatuan NLFC. Guru-guru Tamil senang mendapati sokongan dari golongan ini kerana mereka terdiri dari sahabat-handai dan saudara mereka. Pihak NUFW tempatan dan mandor menolong guru Tamil menganjurkan perjumpaan Persatuan NLFC di estet.

Atas pengaruh guru-guru Tamil, kebanyakan estet mengadakan perjumpaan dengan Datuk V.T. Sambanthan. Dalam perjumpaan itu saham-saham dari buruh estet bagi persatuan NLFC diberikan. Saham-saham itu sekurang-kurangnya \$5,000 hingga \$10,000 ringgit. Kutipan saham itu dibuat oleh cawangan MIC dan cawangan MUPW tempatan bersamasama sebelum tahun 1968. Koperasi NLFC telah mendapat 60,000 ahli dari estet dan berjaya membeli 20 estet yang datang perjualan. Guru-guru Tamil yang sangat cergas dalam penubuhan persatuan NLFC diberi kehormatan yang tertinggi di cawangan MIC. Guru-guru Tamil seperti Encik K. Kaliaperumal dari Perak, Encik A. Annamalai dari Selangor, Encik R. Raghavan dari Melaka, Encik M.V. Muthusamy dari Johor dan Encik P. Krishnasamy dari Negeri Sembilan diberi jawatan wakil pengarah dalam persatuan NLFC pusat menjelang tahun 1960an.²³ Menjelang tahun 1968 kegiatan guru-guru Tamil di persatuan NLFC tidak betapa aktif lagi kerana fragmentasi oleh orang tengah diketatkan oleh kerajaan.

Selepas peristiwa Mei 13, 1969 kerajaan memperkenalkan undang-undang ordinan baru. Mengikut ordinan ini, pekerja-pekerja hanya boleh bekerja jika mereka memegang Sijil kewarganegaraan. Apabila Ordinan Baru ini diperkenalkan, buruh Tamil di estet adalah golongan yang paling mengalami kesusahan. Sekurang-kurangnya 250,000 di antara mereka tidak memegang sijil kewarganegaraan.²⁴

Guru-guru Tamil sebagai wakil buruh estet di cawangan MIC bertindak pertama tentang masalah kewarganegaraan di kalangan buruh estet.²⁵ Borang-borang didapati oleh mereka dari jabatan daerah dan diedarkan kepada buruh-buruh estet yang ingin memohon kepada Sijil Kewarganegaraan. Borang permohonan ini diisikan oleh guru-

guru sendiri. Ketika itu golongan Tamil di MIC mendapat pengetahuan asas dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan menyertai kelas malam Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia di pekan. Pengetahuan asas ini dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris menolong mereka mengisi borang Permohonan kewarganegaraan.

Pemohon-pemohon dibawa menemui Pegawai Daerah tempatan dan Pegawai Pendaftaran oleh guru-guru Tamil di Petaling Jaya. Dengan cara ini ramai mendapat sijil kewarganegaraan secepat mungkin. Sehingga tahun 1970, 80,000 buruh estet berjaya mendapat sijil kewarganegaraan dengan pertolongan dari guru Tamil.²⁶

Menjelang tahun 1970an peranan guru-guru Tamil tidak lagi dipusatkan dalam masalah buruh estet. Pada tahun 1970 guru-guru Tamil diserapkan sepenuhnya dalam perkhidmatan awam **dan ini** menandakan mereka tidak lagi layak tinggal di estet.²⁷ Mereka disuruh oleh majikan estet berpindah rumah mereka di estet. Mereka mulai tinggal di bandar. Di bandar, kegiatan politik MIC mereka menumpukan sepenuhnya dalam krisis kepimpinan. Kegiatan politik guru-guru Tamil dalam tahun 1970an terpaksa terjerumus dalam krisis kepimpinan pusat parti MIC yang diasaskan oleh tokoh-tokoh pemimpin MIC yang memegang teraju kepimpinan parti semenjak tahun 1955.

17. S. Anandarajan, *op. cit.*, s. 130

18. Wawancara dengan Dr. S. Govindaraju dan Prof. R. Jagannathan.

19. K. Gurubatham, "Sejarah Singkas Parti MIC", *Akhbar Tamil Esaan* 28th September 1971, s. 3.

20. Wawancara dengan Dr. S. Govindaraju.

21. S. Anandarajan, *op. cit.*, s. 134